

Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Pusat EPAL / Service Quality Improvement EPAL Centre

Misi : Menyokong dan menolong manusia untuk membina keluarga yang lebih bahagia dan sejahtera melalui kreativiti dalam mengekspresikan kasih sayang.

Visi : Setiap rumahtangga ada pelanggan EPAL yang puas dan bahagia.

Bagi merealisasikan MISI & VISI Pusat EPAL, kami mengalu-alukan komen atau cadangan anda dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan kami. Setiap komen yang diberikan adalah bersifat sulit dan peribadi. Kami akan mengambil tindakan untuk setiap komen yang diberikan.

Pengalaman menarik anda bersama-sama EPAL juga amat kami alu-alukan untuk dikongsikan bersama pembaca lain.

Sila emel sebarang surat-menyurat kepada info@epal.com.my atau alamatkan surat ke :

Mission : To empower people to build happier and wealthier homes through the creative expression of love.

Vision : Every home to be a satisfied EPAL customer.

In order to achieve the EPAL Centre's mission and vision, we welcome your comments or ideas for us to improve our services. Every feedback will be treated with full privacy and confidentiality. We promise to look into any comments given.


In addition, we welcome any interesting stories that you may have with EPAL. Please share your stories with other readers.

All your writings can be email at info@epal.com.my or write us a letter to :

Kepada / To :

AJK Kualiti Perkhidmatan

C-01-01 to 08, Block C, Level 1,
SkyPark @ One City, Jalan USJ25/1,
47650 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.



Ibu Pejabat Pusat Latihan Kraftangan Epal /
Epal Headquarter :
Mostwell Sdn. Bhd. (182043-T, A193141)
C-01-01 to 08, Block C, Level 1,
Sky Park @ One City,
Jalan USJ 25/1, 47650 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel / Tel : 603 5022 3113 | Faks / Fax : 603 5022 3123
Emel / Email : info@epal.com.my

Epal One City
C-01-01, Block C, Level 1, Sky Park @ One City
Jalan USJ 25/1, 47650 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5022 3023 / 3213
Email : epalpuuchang@gmail.com

Lawati di laman sesawang / Visit us at website :
<http://www.epal.com.my>
★ www.epaldiy.com
★ www.epalstore.com.my

Klang
No.42, Peang Avenue, Jalan Kelicap 42A/KU1,
Off Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor.
Tel : 03-3343 8867 | Fax : 03-3343 8867
Email : epal_klang@yahoo.com

Bangi
No. 23, Jalan B/1, Seksyen 8,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
Tel : 03-8920 2000 / 016-801 5002
Fax : 03-8927 4000
Email : epal_bangi@yahoo.com

Seremban
F-63B, 1st Floor, Terminal 1 Shopping Centre, 28,
Jalan Lintang, 70000 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel : 06-767 1133 | Fax : 06-767 2131
E-mail : epal_seremban@yahoo.com.my

Melaka
No. 23G, Jalan Lagenda 1, Taman Lagenda,
75400 Melaka.
Tel : 06-2880886 / 016-311 7776 | Fax : 06-288 0667
Email : epal.melaka@yahoo.com.my

Jobor Bahru
Lot 15, 16 & 17, Tingkat 2, Danga City Mall,
Jalan Tun Abdul Razak, 80000 Johor Bahru, Johor.
Tel : 07-224 1133 | Fax : 07-221 0025
Email : epajohorbahru@yahoo.com

Kota Bharu
Pt. 390 (Tingkat Bawah), Rumah Keadua Lembah,
Seri, Jalan Jambatan Sultan Yahya Petra,
Seksyen 17, 15050 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-748 0919 | Fax : 09-748 6919
Email : maardilud@yahoo.com

Kuala Terengganu
138-G (Ground Floor), Wisma Sentosa,
Jalan Sultan Zainal Abidin,
20000 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel : 09-624 6388 / 016-213 6313 | Fax : 09-624 6389
Email : epal.kualaterengganu@yahoo.com.my

Kuantan
Lot 2.65 & 2.66, 2nd Floor, Bejaya Megamall,
Jln Tun Ismail, Sri Dagangan, 25000 Kuantan, Pahang.
Tel : 09-513 3111 | Fax : 09-514 3191
Email : epalpusatkuantany@yahoo.com.my

Pulau Pinang
24A & 26A, Jalan Perai Jaya 2, Bandar Perai Jaya,
13600 Perai, Pulau Pinang.
Tel : 04-390 0181 / 399 1181 | Fax : 04-398 3181
Email : gbchye_pp@yahoo.com

Epal Quilt Shop (Kedah)
No. 107, Tingkat 1, Jalan Lagenda 4,
Lageria Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah.
Tel : 04-425 7181 | Fax : 04-425 6181
Email : gbchye_pp@yahoo.com

Epal Quilt Shop (Ipoh)
40, Medan Ipoh 1E, Medan Ipoh Bestari,
31400 Ipoh Perak.
Tel : 05-545 0181 | Fax : 05-545 0881
Email : gbchye_pp@yahoo.com

Sarawak
M24, Eclia House, Power Street,
93702 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-254 121 | Fax : 082-256 121
Email : epal_kuching@yahoo.com.my

Tawau
TB 321, Block 38, Ground Floor, Fajar Kompleks,
91000 Tawau, Sabah.
Tel : 089-766 499 | Fax : 089-768 499
Email : epaltawau@yahoo.com

Kota Kinabalu
F-0-7 & F-1-7, G Floor & 1st Floor, Block F,
Lorong Capital, Karamuning Capital,
88300 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 089-447 066 / 016 831 1298 | Fax : 089-447 220
Email : epal_kk@yahoo.com

PT Mostwell (Jakarta Utara) Indonesia
Ruko Mangga Dua Square, Block C,
No.8, Jalan Gunung Sahari Raya No. 1,
Jakarta Utara 14430, Indonesia.
Tel : (+6221) 6231 1338 | Fax : (+6221) 6231 1338

PT Mostwell (Jakarta Selatan) Indonesia
Blak M Square, Branch Gedung Blak M Square,
Lantai 3A Blok THT, No.22-23, Jalan Melawati 5,
Jakarta Selatan 12160 Indonesia.
Tel : (021) 2904 3531 | Fax : (021) 2904 3524
Email : ptmostwellblakm@yahoo.com



Lawatan One Day Trip
dari PERHEBAT /
One Day Trip Tour
from PERHEBAT



Kelab Pencinta Alam Pahang
Restyle Seluar Jeans
Kepada Beg Galas /
Nature Club Pahang
Restyle Jeans Backpack Bag

Lawatan Khas Jabatan KEMAS /
Special Visit from KEMAS



• TO BE THE BEST, TO DO THE FIRST •
Jepun • Taiwan • Malaysia • Thailand • Jakarta •



"Apresiasi Seni Jahitan"
Seni jahitan menjana ekonomi

Mac / March 2017 Edisi / Edition 171 No. Lesen / Licence No. PP13954/08/2012 (030598)



Salam sejahtera buat ahli VVIP dan VIP Epal yang dikasihi...

Pada Mac ini, Pusat Epal memfokuskan projek jahitan Seluar untuk pelajar mempelajari asas jahitan seluar. Manakala projek jahitan Beg & Terompah Morning Spring Flower bukan hanya mengajar cara menjahit beg dan terompah, tetapi mengajar anda membuat aksesori 5 paten bunga dan daun. Sungguh menarik dan berbaloi untuk dipelajari!

Pelbagai teknik dan ilmu kemahiran dapat dipelajari dalam satu projek jahitan. Oleh itu, aplikasikanlah dan gunakan ilmu pengetahuan tersebut serta kembangkan melalui projek anda sendiri. Selamat mencuba!

Salam manis dari Epal,
Puan Fully Chye

Greetings to the VVIP and VIP Epal ...

In March, Epal Center project focus on sewing Elastic Waist Basic Pants for students to learn basic sewing pants. While Morning Spring Flower Bag & Sandals will not only teach how to sew bags and sandals, but it teaches you to create accessories: 5 patents of flowers and leaves. It's interesting and worthwhile to learn!

Various techniques and skills can be learned in a sewing project. Therefore, apply it and use the knowledge learned to develop through your own project. Good luck!

With sweet Regards,
Madam Fully Chye

PENGERUSI / Chairman
Fully Chye Goet Lee

PENGARANG / Editor
Hafizah Noor Azhar
03-5022 3113
info@epal.com.my

PEREKA BENTUK GRAFIK / Graphic Designer
Anne Law Chi Ying

JURUFOTO / Photographer
Jurufoto Mostwell Sdn Bhd

DITERBITKAN / Published by
Mostwell Sdn Bhd,
C-01-01 to 08, Block C, Level 1,
Sky Park @ One City, Jalan USJ 25/1,
47650 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5022 3113 | Faks : 03-5022 3123

"Apresiasi Seni Jahitan"
Seri jahitan menjana ekonomi



Maka-maka belajar menjahit itu tidak boleh diabaikan, kerana dalam dunia yang semakin maju ini, di samping dengan ilmu dan teknologi, kreativiti dan inovasi adalah penting. Oleh itu, menjahit bukan sahaja merupakan hobi yang menyenangkan, tetapi ia juga dapat dijadikan sumber pendapatan sampingan. Bagi yang berminat untuk mempelajari seni jahitan, silalah ke Pusat Epal atau hubungi kami di talian 03-5022 3113. Kami akan menyediakan semua maklumat yang diperlukan kepada anda. Terima kasih dan selamat belajar!

CAWANGAN TERBAIK / THE BEST BRANCH - JANUARY 2017

TOP 1 Pulau Pinang

- | | | | |
|----------------------|---------------|---------------------------|------------|
| Chye Gwek Beng | Manager | Susilawati Wakirin | Trainer |
| Zakinah Nor Din | Asst. Manager | Waymi Raimin | Trainer |
| | | Noraisah Mohd Nadzir | Trainer |
| Nur Aziella Ismail | Trainer | Nandung Atuh | Trainer |
| Esther Swimmin | Trainer | Lee Sok Ming | Trainer |
| Norlia Che Meh | Trainer | Khairul Qayyum Khan Ravil | Technician |
| Chong Pui Yee | Trainer | | |
| Omelda Brenda Joseph | CSE | | |
| Hadijah Nasir | CSE | | |

TOP 2 Johor Bahru

- | | |
|------------------------------|---------|
| Wong Yoke Ling | Manager |
| Nor Anis Diyana Binti Baderi | Trainer |
| Shahira Binti Kamri | Trainer |
| Noor Sakinah Binti Ismail | Trainer |
| Nor Atikah Binti Haron | Trainer |

TOP 3 Kuala Terengganu

- | | |
|--|---------|
| Beth Kalitak | Manager |
| Mohamad Saiful Zikri Mohamad Rahadi ME | |
| Flenah Mapaun | Trainer |
| Nurul Shazleen Subuhi | Trainer |
| Siti Khaherah Zakaria | Trainer |
| Rasyidah Rahim | Trainer |
| Stephenie Philemon | CSE |

Mac / March 2017

Kursus Jahitan / Sewing Course

Teknik yang akan dipelajari:

- Mempelajari cara menjahit menggunakan kain elastic / memori.
- Mempelajari cara menjahit getah pinggang pada seluar.
- Mengetahui dengan jelas cara yang mudah untuk menghasilkan seluar.

Techniques to be learn:

- Learn to sew stretchable fabric.
- Learn to sew an elastic waistband.
- Learn to sew a pair of pants.



Projek Mini / Mini Project :
Awning Lengan / Arm Awning

Produk / Product :
Seluar / Elastic Waist Basic Pants
Kod / Code :
PRO 0143 (0PV)



RM 64.70

Teknik yang akan dipelajari:

- Mempelajari cara membuat daun dan 5 paten bunga:
 - Bunga Tulip
 - Bunga Plum
 - Bunga Sakura
 - Bunga Four Season
 - Bunga Yoyo
- Mempelajari teknik membuat butang bungkus untuk dijadikan tompok tengah bunga.
- Mempelajari cara jahitan sembat tangan yang kemas pada bunga dan daun.
- Mempelajari teknik membuat tapak beg dengan jahitan tangan.
- Mempelajari cara menyusun kain atas, *batting* dan *backing* untuk *quilting*.
- Mempelajari cara menggunakan peralatan *stiletto* dan *loop turner* dengan kaedah yang betul.
- Mempelajari cara menjahit *quilting* lurus bersilang.
- Mempelajari teknik memasang tangkai.

Techniques to be learn:

- How to make leaves and 5 patterns of flower:
 - Tulip Flower
 - Plum Flower
 - Sakura Flower
 - Four Season Flower
 - Yoyo Flower
- How to make bound buttons for centre of flowers.
- How to do neat hand stitches for flowers and leaves.
- How to hand stitch the base of bag to the bodice.
- How to prepare a cloth top, batting and backing for quilting.
- How to use *stiletto* and *loop turner* correctly.
- How to sew grid quilting.
- How to fix handles to the bags.



Projek Mini / Mini Project :
Bingkai Soket / Socket Frame

Produk / Product :
Beg & Terompah Morning Spring Flower / Morning Spring Flower Bag & Sandals
Kod / Code :
PRO 0144 (15PV)





**Kelab Pencinta Alam Pahang
Restyle Seluar Jeans Kepada Beg Galas
Nature Club Pahang
Restyle Jeans Backpack Bag**

Kelab Pencinta Alam dari seluruh Negeri Pahang telah memanfaatkan hujung minggu mereka dengan menyertai Bengkel Menjahit Seluar Jeans Menjadi Beg Galas Tepi, anjuran Pusat Epal Kuantan. Peserta kelab yang terdiri daripada 20 orang ini telah berjaya mendapat banyak manfaat. Selain ilmu dan kemahiran menjahit, peserta dapat satu produk baru yang bernilai buat diri sendiri dan berguna. Peserta juga telah membantu memainkan peranan dalam usaha memelihara alam sekitar.

Diharapkan, semoga aktiviti ini dapat mendorong peserta untuk mendidik masyarakat memanfaatkan seluar jeans terpakai sekaligus menyokong usaha pemeliharaan alam sekitar. Tahniah buat Kelab Pencinta Alam Negeri Pahang!

Nature Clubs from Pahang State manage their weekends to join the Sewing Workshop to make Backpack Bag using recycle jeans organized by Kuantan Epal Centre. The participants club which consists of 20 people has managed to gain many benefits. In addition to the knowledge and skills of sewing, participants get a valuable new products for themselves and useful. Participants also helped to play a role in preserving the environment.

Hopefully this activity can encourage participants to educate the public to make use of unused jeans while supporting towards environmental conservation. Congratulations to the Pahang State Nature Club!



Peserta diberi taklimat sebelum memulakan bengkel /
Participants were briefed before starting the workshop



Sekitar suasana semasa bengkel jahitan dijalankan /
Surround the sewing workshop.



**Lawatan Khas Jabatan KEMAS ke
Special Visit from KEMAS to**

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang diwakili 4 orang pegawai khas telah turun mengadakan lawatan ke Sewing World Gallery. Lawatan ini adalah bertujuan untuk menyokong dan memberikan usahasama di dalam memperkembangkan seni jahitan kreatif selain memperkenalkan Sewing World Gallery kepada pihak masyarakat. Semoga lawatan ini dapat memberikan idea dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat, sekaligus membuka peluang kepada masyarakat menceburi bidang seni jahitan kreatif. Terima kasih pihak KEMAS!

The Community Development Department (KEMAS) which represented 4 special officers have been visiting the Sewing World Gallery. The visit is intended to support and give a joint venture in developing the creative sewing art in addition to introducing Sewing World Gallery to the public. Hopefully, this visit will provide ideas to improve quality of life and will create an opportunity for the people to get involves in the creative sewing art. Thanks KEMAS!





Lawatan One Day Trip dari PERHEBAT ke Sewing World Gallery

One Day Trip Tour from PERHEBAT to Sewing World Gallery



Sewing World Gallery telah menerima kunjungan lawatan sambil belajar dari Perbadanan Hal Ehwal Angkatan Tentera (PERHEBAT). Melalui Program One Day Trip, seramai 80 orang peserta telah mengambil peluang menyertai aktiviti menjahit yang ditawarkan selain mendapat perkongsian ilmu dan kemahiran seni jahitan. Selain melawat galeri, mereka melihat sendiri hasil usahasama PERHEBAT bersama-sama dalam menyumbang dan menjahit seluar jeans terpakai yang telah mencipta rekod Sofa Terpanjang di Malaysia. Semoga lawatan ini memberikan manfaat yang berguna dan menjadi kenangan manis buat semua peserta. Terima kasih anggota PERHEBAT dan tahniah atas usahasama kita!

Sewing World Gallery has received a visit from Perbadanan Hal Ehwal Angkatan Tentera (PERHEBAT). Through the One Day Trip program, a total of 80 participants took the opportunity to participate in sewing activities that are offered and also gain knowledge and sewing skills. In addition to visiting the gallery, they can see The Longest Sofa in Malaysia which PERHEBAT had joint venture together in contributing and sewing as well that had break the record. Thank you PERHEBAT and congratulations for the collaboration!



Mendengar taklimat dan peluang dalam bidang seni jahitan kreatif oleh Madam Fully. / Briefing on gallery and the opportunities in creative sewing art field by Madam Fully.



Rakan SWG memberi penerangan pada setiap seksyen pameran. / Sewing World's friend is giving information at each section in the exhibition.



Tidak melepaskan peluang belajar bersama Cikgu di SWG. / Do not miss the opportunity learn with a teacher in SWG.



Satu daripada gambar kenangan yang sempat dirakam! / One of the memorable photo captured!



Beg Jeans / Jeans Bag

Saya Tidak Menyesal Meninggalkan Pekerjaan Selepas Ceburi Bidang Jahitan /

I Do Not Regret Leaving My Job After Involved In Creative Sewing Art.

Puan Cynthia Unan

(Perintis Handmade Market / Handmade Market Pioneer)

Dari segi pelaburan mesin jahit MC2049, ianya sangat berbaloi kerana boleh menjahit apa sahaja jenis material. Contohnya kain jeans, mesin ini mampu menjahit dengan ketebalan 7 lapis jeans. Jadi ia lebih mempercepatkan lagi proses jahitan dan dengan itu kita boleh siapkan tempahan dengan cepat. Apabila kita telah hasilkan dengan cepat dan kualiti produk memuaskan, secara tidak langsung ia dapat meningkatkan lagi pendapatan kita.

Pendapatan yang saya dapat sekarang ini adalah dalam anggaran RM700 hingga ke RM1000 ke atas setiap kali ada menyertai Handmade Market. Dari segi produk, kebanyakan produk-produk yang saya jahit adalah ciptaan sendiri. Produk-produk yang mendapat sambutan hangat skrg ini adalah dari kain jeans, yang mana kain jeans itu saya buat patchwork.

Dengan menjahit ini saya boleh buat kerja rumah, fokus pada rumahtangga dan uruskan anak-anak. Jika dibandingkan dengan masa saya bekerja dahulu dengan sekarang, kini saya ada lebih masa dengan anak-anak. Habis kerja rumah, kita boleh menjahit sedikit demi sedikit dan kita boleh belajar bidang jahitan. Dari situ secara tidak langsung kita akan menjana pendapatan dan ada pendapatan sendiri. Oleh itu, saya menjadi suri rumah yang mampu menjana pendapatan. Suami saya sangat mendorong saya untuk menceburi bidang ini kerana dia lebih suka saya membuat pekerjaan dari rumah. Pada saya, saya tidak menyesal langsung meninggalkan bidang pekerjaan dahulu.

In terms of investment MC2049 sewing machine, it's very worthwhile because it can sew any type of material. For example, jeans fabric, this machine is able to sew 7 layers of thick jeans. So it is accelerating the process of sewing and so we can set up a reservation quickly. When we have produced quickly and the product quality is satisfactory, indirectly it can increase our income.

Now my income is about RM700 to RM1000 and above when joining the Handmade Market. In terms of products, I sew it by my own creation. The product which was popular now is from jeans fabric. I use to make the patchwork jeans.

In this sewing field, I can do housework, focus on the household and manage the children. Compared with the time when I was working, now I have more time with the kids. Finish the houseworks, we can sew a little during day by day and we can learn tailoring too. From there we indirectly will generate income and have own income. Therefore, I became a housewife that could generate income. My husband really encouraged me to get involved in this field because he prefers me to work from home. For me, I do not regret leaving my job.



Guna MC2049 Buat Kuitling, Raih Pendapatan Lumayan /

Using MC2049 in Making Quilting, Earn Lucrative Income.

Puan Habibah Zainuddin

(Perintis Handmade Market / Handmade Market Pioneer)



Saya buat kuitling hanya menggunakan mesin jahit MC2049. Di Pusat Epal, kita akan diajar asas jahitan. Begitu juga dengan kuitling. Cikgu telah mengajar kita cara untuk lekatkan kain dengan batting, cara kita kontrol kain dan apa peralatan yang perlu untuk hasilkan sebuah jahitan kuitling yang cantik. Mereka akan ajar kita jarak setiap jahitan yang memainkan peranan, jika terlebih jaraknya bagaimana hasilnya dan jika kurang pula apa hasilnya. Saya amat berpuas hati.

Saya amat suka dalam bidang kuitling. Setiap beg saya semua saya kuitling. Saya katakan saya hanya gunakan MC2049 untuk kuitling, ramai yang tidak memercayainya kerana menyangka saya menggunakan mesin sulam automatik. Sejak saya ceburi kuitling, pendapatan saya semakin bertambah. Oleh kerana nilai kuitling itu berlainan daripada produk biasa dan kita memerlukan masa untuk kuitling, hasilnya lebih dihargai daripada seorang suri rumah tangga yang hanya duduk di rumah, menguruskan rumah. Alhamdulillah saya buat perniagaan ini dari rumah dan dapat membantu keluarga sambil memelihara ahli keluarga dan rumahtangga saya.

Syukur Alhamdulillah... pendapatan saya dalam sebulan jika di rumah RM2000. Jika jualan di Handmade Market pula, Alhamdulillah... pendapatannya adalah sangat mengejutkan! Apabila kita sebagai isteri dan suri rumah dapat membantu suami, rasanya satu kepuasan buat diri kerana dapat menjejaskan hati suami dan membantu suami.

I do quilting by using MC2049 sewing machine only. In Epal Center, we will learn the basic sewing. It is same with quilting. Teacher has taught us how to stick the fabric with batting, how we should control fabric, what equipment you need to produce a beautiful quilting. They will teach us every seam distance plays a role, what if is the result when we use more or less seam allowances. I am very satisfied.

I was so in love with this quilting field. I make quilting to each of my bag. When I said I am using MC2049 only to make quilting, they do not believe it. They think I am using the automatic embroidery machine. Since I develop my skills in quilting, my income increased. As the value of quilting was different from ordinary products and we need time to quilting, the result is more appreciated from a housewife who just sat at home, managing the home. Thank God I work from home and can help families while preserving family and my household.

Alhamdulillah... my income in a month is RM2000 from home, but if I join the Handmade Market, thanks to God again... the income is awesome! For me, as a wife as well as housewife could help my husband, it is a great satisfaction to ease my husband's burdens.



"Mencari kelainan walaupun pesaing sama!" "Find difference even the competitor same!"

Untuk berjaya dalam perniagaan yang dipenuhi pesaing kini, usahawan perlu mencari satu 'kelainan' dalam produk dan perkhidmatan yang diberikan. Untuk menonjolkan perniagaan kita dalam pasaran yang amat gamat, kelainan diperlukan. – Irfan Khairi

To be successful in business that met the competitors now, entrepreneurs need to find a 'difference' in the products and services provided. To emphasize our business in a market that is lively, differences is required. - Irfan Khairi



Begitu juga dalam bidang seni jahitan kreatif, kadang-kala produk yang dikeluarkan oleh kita adalah sama seperti pesaing. Usahawan / perintis perlu tonjolkan kualiti dan keunikan produk sendiri. Sebagai contoh untuk sebuah beg empat segi yang banyak dijual di pasaran, apa kata anda tawarkan perkhidmatan menjahit nama si pembeli pada beg tersebut. Satu keunikan dan signature untuk perniagaan anda walaupun hanya beg empat segi! Walaupun produknya sama dengan produk pesaing yang lain, tetapi perkhidmatan dan keunikan yang ada akan menarik perhatian pembeli/ pelanggan.

Untuk berjaya dalam perniagaan, anda MESTI MEMPUNYAI KELAINAN.

Similarly in the field of creative sewing art, sometimes the products manufactured by us are the same as competitors. Entrepreneurs should highlight the quality and uniqueness of the product itself. For example for a rectangular bag which has demand in the market, why don't you offer to sew the purchaser name on the bag. Customer will be happy and your business had a signature even a rectangular bag! Although the product is the same as the other products but the service and uniqueness will attract the attention of buyers / customers.

To succeed in business, you MUST HAVE VARIATIONS.



Terompah 'Morning Spring Flower' / Morning Spring Flower Sandals

Bahan / Material	Ukuran / Measurement	Catatan / Notes
Kain A / Fabric A	9" x 9"	Kain bawah kasut / Backing fabric
Kain B / Fabric B	9" x 9"	Kain atas kasut / Outer layer
Kain PU / PU Fabric	9" x 9"	Kain Pu / Pu Fabric
Kain D (Kain gam) / Fabric D (Interfacing)	9" x 9"	Alas kain A / Interfacing for Fabric A
Double side gum / Double side gum	9" x 9"	Alas Kain B / To attach to Fabric B
Kain F / Fabric F	15" x 22"	Bunga dan paiping / Flower crossway strip
Kain G / Fabric G	2" x 10"	Pembalut butang / Bound buttons
Tapak kasut / Sandal base	1 pasang / 1 pair	
Paku / Tack	13 batang / 13 pieces	
Acuan / Template		
Butang / Button	6 biji / pieces	Butang kecil / Small buttons = 4 biji / pcs Butang besar / Big buttons = 2 biji / pcs

Langkah-langkah / Step by step :

1 

Langkah 1 hingga langkah 9. Cara menjahit kain kasut. Seterika kain A pada permukaan kain gam yang berkilat dengan 2 hingga 3 (150°C).

Step 1 to step 9 is to prepare shoe flaps. Attach fabric A to shiny surface of interfacing using an iron on mar 2 to 3 (150°C)

2 

Lukis 1 keping acuan di atas kain A yang telah dilekat dengan kain gam untuk bahagian kiri kain kasut. Kemudian terbalikkan acuan dan lukis 1 keping acuan lagi untuk bahagian kanan kain kasut.

Draw a template on fabric A which has been attached to interfacing for left side of shoe flaps. Then, turn the template and draw another one template for right side of shoe flaps.

3 

Gunting mengikut acuan yang dilukis.

Cut out shape of flaps as drawn.

4 

Lukis 1 keping acuan di atas kain PU untuk bahagian kiri kain kasut. Kemudian terbalikkan acuan dan lukis 1 keping acuan lagi untuk bahagian kanan kain kasut.

Draw a template on fabric PU for left side of shoe flaps. Then, turn the template and draw another one template for right side of shoe flaps.

5 

Gunting mengikut acuan yang dilukis.

Cut out shape of flaps as drawn.

6 

Seterika kain B di atas kertas double side gum.

Iron fabric B to attach to fusible web.

7 

Lipat dua kain B. Kemudian lukis acuan di atasnya.

Fold fabric B into two. Then draw two template shapes on right side of fabric.

8 

Gunting mengikut acuan yang dilukis.

Cut out shape of flaps as drawn.

9 

Tanggalkan kertas double side gum di bahagian belakang kain B. Kemudian letakkan kain B di atas kain PU yang sudah dipotong. Lekatkan kain B dengan menggunakan seterika.

Remove backing paper from fusible web of fabric B on PU fabric that has been cut out. Use an iron to attach fabric B to vinyl leather.

10 

Langkah 10 hingga langkah 16. Cara menjahit dan terbalikkan bunga sakura. Lipat dua kain F dan lukis acuan kelopak bunga. Bunga besar (12 keping = 2 kuntum) dan bunga kecil (24 keping = 4 kuntum).

Step 10 to step 16 is to prepare sakura flowers. Fold fabric F in 2 layers and trace flower petal template. Large flower (12 pieces = 2 flowers) and small flowers (24 pieces = 4 flowers).

11 

Gunakan tapak biasa, benang yang sesuai dan selaraskan mesin. Jahit mengikut acuan kelopak bunga yang sudah dilukis kecuali di bahagian bawahnya.

Using a general purpose foot, suitable thread and machine setting as shown. Stitch around template shape as drawn except the base.



Gunting acuan tersebut. Lebihkan basi 1/8" di sekeliling acuan kelopak bunga kecuali bahagian bawah kelopak bunga.

Cut out shape of petals leaving 1/8" seam allowance around petals except the base.



Masukkan 4 lembar benang ke dalam jarum tangan. Cucuk jarum dari bahagian bawah ke atas dan tarik jarum ke atas.

Thread a needle with 4 strands of thread. Push needle from base to top of petal and pull needle out to the top.



Pusingkan kelopak bunga seperti gambarajah dan cucuk semula jarum ke atas dengan jarak 1/8" dari cucukan pertama.

Turn flower petal as shown and push the needle back from the top 1/8" from the first position.



Tarik benang ke bawah untuk terbalikkan kelopak bunga dengan perlahan.

Pull threads slowly to turn petals inside out.



Kelopak bunga yang telah diterbalikkan.

Flower petal turned inside out.



Jahit jelujur di bahagian bawah kelopak bunga.

Sew running stitches at bottom of petal and pull to make gathers.



Cantumkan 6 keping kelopak bunga (4 kuntum bunga kecil & 2 kuntum bunga besar) supaya menjadi satu kuntum bunga seperti gambarajah.

Join 6 flowers petals (4 small flowers & 2 large flowers) as shown in diagram.



Langkah 19 hingga langkah 24. Cara membalut butang dan menjahit butang pada tengah bunga. Lukis acuan pembalut butang di atas kain G sebanyak 6 keping (besar 2 keping & kecil 4).

Step 19 to step 24 is to prepare bound buttons and attach to flower centre. Traces 6 templates on fabric G for bound buttons (big 2 pieces & small 4 pieces).



Gunting acuan pembalut butang tanpa meninggalkan basi.

Cut out templates as drawn without seam allowance.



Jahit jelujur di sekeliling kain G dengan basi 1/8".

Tack around fabric G using 1/8" seam allowance.



Masukkan butang ke dalam kain G. Kemudian tarik benang dan matikan jahitan tersebut.

Place a button inside the circle and pull thread to close the bound button. Tie ends of thread to secure.



Masukkan penutup butang di bahagian belakang butang tersebut. Selepas itu potong batang butang supaya butang rata.

Place back casing of bound button into place at the back of the button. Cut the shank of the button off.



Jahit butang di bahagian tengah bunga dengan jahit sembat tangan. Gunakan benang yang sama warna dengan kain G.

Handstitch the button to the centre of each flower using the same colour thread as the fabric.



Langkah 25 hingga langkah 27. Cara menjahit bunga pada kain kasut. Cari tanda tengah pada kain kasut. Letakkan bunga besar di bahagian tengah kain kasut.

Step 25 to step 27. To attach flowers to shoe flap. Mark centre point of flap. Place the large flower in the centre of the flap.



Jahit bunga besar di atas kain kasut. Jahit di sekeliling butang dengan jahitan jelujur. Kemudian jahit butang kecil di bahagian kiri dan kanan bunga besar dengan cara yang sama.

Handstitch flower to flap. Tack around button. Add small flower on the left and right side of big flower using the same method.



Kain kasut yang telah siap dijahit sekuntum bunga besar dan dua kuntum bunga kecil di kiri dan kanan bunga besar.

Sandal flap with a big flower and two small flowers attached on it.



Langkah 28 hingga langkah 29. Cara melekatkan kain A di bahagian belakang kain PU yang telah dihiaskan dengan bunga pada langkah 27. Semburkan gam di bahagian belakang kain A yang telah siap digunting pada langkah 3.

Step 28 to step 29. To attach fabric A to the back of PU fabric which has been decorated with flower in step 27. Spray adhesive on wrong side of fabric A which has been cut ready in step 3.



Lekatkan kain A yang telah disemur dengan gam di belakang kain PU yang telah dihiaskan dengan bunga pada langkah 27.

Attach fabric A with adhesive to PU fabric which has been decorated with flowers in step 27.



Langkah 30. Cara mengambil ukuran kaki. Letakkan kaki di atas tapak kasut. Kemudian letakkan kain kasut di atas kaki seperti gambarajah. Selepas itu, tandakan pada kain kasut dan tapak kasut mengikut keselesaan kaki. Potong kelebihan kain mengikut tanda.

Step 30. To take feet measurement. Place foot on sandal base and then wrap the flap on top of the front. Mark on flap and sandal base according to the wearer's comfort. Cut off excess fabric as marked.



Langkah 31 hingga langkah 39. Cara menjahit piping pada sekeliling kain kasut. Sediakan kain F yang telah dipotong serong dengan lebar 1 1/4". Letakkan sebelah luar kain F bertemu sebelah luar kain kasut di tepi bahagian bawah dan atas kain kasut. Kemudian jahit dengan basi 1/4".

Step 31 to step 39. To prepare piping on sandal flaps. Cut 1 1/4" crossway strip from fabric F. Place crossway strip on flaps. Stitch using 1/4" seam allowance.



Kain kasut yang telah siap dijahit kain piping di bahagian bawah dan atas.

Flap with crossway strips attached to top and bottom and edges.



Lipat piping ke belakang dan kemaskan piping tersebut.

Fold piping strips to wrong side and tack.



Jahit tindih di cantuman piping seperti gambarajah.

Top stitch crossway strip as shown in diagram.




Kain kasut yang telah siap dijahit kain piping di bahagian bawah dan atas.

Flap with piping attached to top and bottom edges.




Lipat lebihan kain piping 1 inci ke bahagian belakang kain kasut. Fold 1 inch of crossway strip to the back of the flap.




Lebihkan 1" kain piping dan lipat ke belakang kain kasut. Kemudian jahit dengan menggunakan mesin jahit.

Leave 1" crossway strip and fold to the back of flap. Stitch using a machine.



Lipat piping ke belakang dan kemaskan.

Fold over crossway strip to neaten.



Jahit tindih di cantuman piping seperti gambarajah.

Top stitch on seam line of piping as in diagram.



Kain kasut yang telah siap dijahit piping.

Flaps with piping attached.



Langkah 40 hingga langkah 41. Cara melekatkan kain kasut pada tapak kasut mengikut ukuran yang diambil pada langkah 30. Letakkan kain kasut pada tapak kasut mengikut tanda yang dibuat. Kemudian paku kain tersebut.

Attach flap to base of sandal, according to measurement taken. Place flap on base sandals as marked and nail thumb tacks to attach it.



Kasut telah siap.

Sandals ready for use.

